

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT LANCARKAN INISIATIF "KONGSI REZEKI BERSAMA HERO TANPA NAMA" SEMPENA HARI PEKERJA

2 Mei 2025, Kuala Lumpur - Sempena sambutan Hari Pekerja yang bertemakan "*Pekerja Kesuma Bangsa*", Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) telah menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR), "*Kongsi Rezeki Bersama Hero Tanpa Nama*" sebagai tanda penghargaan kepada para wira tidak didendang yang terus komited menyumbang tenaga demi kesejahteraan komuniti.

Program ini merupakan inisiatif bersama warga kerja Bank Muamalat yang telah menyumbang pelbagai barangan keperluan asas seperti makanan kering, minuman, kelengkapan kebersihan diri, dan barangan harian. Sebagai tambahan, Bank Muamalat turut menyumbangkan lebih 100 pek makanan yang diagihkan kepada penerima manfaat program ini.

Antara golongan sasaran yang menerima sumbangan termasuklah petugas kesihatan, anggota keselamatan, pekerja pembersihan, pengawal keselamatan, dan lain-lain individu yang berperanan penting dalam kelangsungan kehidupan harian masyarakat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, sebagai institusi perbankan Islam penuh, Bank Muamalat sentiasa memainkan peranan aktif dalam pembangunan komuniti melalui pelbagai inisiatif kebajikan dan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni.

"Bank Muamalat amat menghargai jasa dan pengorbanan golongan pekerja yang sering kali tidak didendang, namun memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat. Program ini bukan sekadar sumbangan material, tetapi juga simbol solidariti dan penghargaan daripada kami kepada mereka.

"Program ini bukan sahaja menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga kerja Bank Muamalat, tetapi turut menyampaikan mesej bahawa setiap sumbangan, tidak kira sekecil mana pun, mampu membawa sinar dan senyuman kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Selaras dengan usaha ini, Bank Muamalat mengambil pendekatan menyeluruh dalam mengiktiraf sumbangan setiap lapisan pekerja dalam membina negara bangsa yang mampan dan sejahtera.

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

Untuk maklumat lanjut mengenai program CSR Bank Muamalat, sila layari laman sesawang Bank Muamalat di www.muamalat.com.my atau ikuti laman media sosial Bank Muamalat.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.